



MSR GREEN ENERGY SDN BHD

(Company No. 201201032747 (1017235-W))

Unit 32.03, 32nd Floor, Menara TA One, 22, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur, Malaysia. | Tel / Fax: +60 3 4810 5653

No. Rujukan Kami : MSRGE25/MF/ANSON/KUDRSB/238

Tarikh : 24 April 2025

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD

B-G-11, Greentown Suria,
Jalan Dato Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

U/P: Pegawai Koridor Negeri

Tuan,

CADANGAN PEMBANGUNAN PROJEK CORPORATE GREEN POWER PROGRAMME (CGPP) DI TANAH MILIK SIME DARBY PLANTATION BERHAD SELUAS 131 EKAR DI SEBAHAGIAN LOT 7518 DAN LOT 7380, MUKIM DURIAN SEBATANG, DAERAH HILIR PERAK, PERAK DARUL RIDZUAN

- Permohonan Izin Lalu Bagi Kerja-Kerja Pengalihan Tiang dan Kabel Elektrik 11kV
Milik Tenaga Nasional Berhad Berhadapan Tempat Masuk Utama Tapak Projek

Merujuk kepada perkara di atas.

2. Pihak kami telah dilantik sebagai kontraktor utama oleh pihak pemaju bagi melaksanakan projek Corporate Green Power Programme (CGPP) di atas tanah seluas 131 ekar milik Sime Darby Plantation Berhad di sebahagian Lot 7380 dan 7518, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan.

3. Berdasarkan hasil kajian kebolehlaksanaan yang dijalankan, dimensi fizikal kenderaan logistik kami termasuk kontena berkapasiti penuh memerlukan pelepasan ketinggian minimum antara 4.9 meter hingga 5.0 meter di pintu masuk bagi menjamin kelancaran pergerakan dan pematuhan terhadap keperluan keselamatan operasi di tapak.

4. Namun begitu, ukuran di lapangan menunjukkan bahawa ketinggian sedia ada tiang dan kabel elektrik 11kV milik TNB yang bernombor (FSM SSG 71/ TA SSLB 134 dan FSM SSG 72 / TA SSLB 133) adalah sekitar 4.0 meter, iaitu lebih rendah daripada keperluan pelepasan yang diperlukan. Keadaan ini boleh menjejaskan akses masuk dan menimbulkan risiko terhadap keselamatan operasi.

5. Dilampirkan bersama dokumen-dokumen / lampiran untuk rujukan dan kelulusan pihak tuan :

- a) Cadangan jajaran kabel utility – Lampiran 1
- b) Gambar tiang elektrik berserta nombor tiang – Lampiran 2

6. Sehubungan itu, pihak kami ingin memohon izin lalu daripada pihak Koridor Utiliti Darul Ridzuan (KUDR) bagi kerja-kerja pengailhan tiang elektrik dan kabel 11kV milik TNB.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh merujuk kepada jurutera projek kami, Encik Muhammad Syahir di talian +60194558011 dan emel syahir@msrge.com.my untuk keterangan lanjut.

8. Perhatian serta kerjasama pihak tuan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang Benar,
MSR GREEN ENERGY SDN BHD



.....
MUHAMMAD FARIS
Pengurus Projek

